

U 8555 BAH
MAHATHIR-SEHARAK

MARANG, 20 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYANGKAL DAKWAAN SEBETENGAH SOLONGAN KONONNYA PERHIMPUNAN GERAKAN SETIA BERSAMA RAKYAT (SEHARAK) DIANJURKAN OLEH KERAJAAN SEBAGAI PERSEDIAAN MENGHADAPI PILIHANRAYA UJUH.

BELIAU JUGA MEMPERSOALKAN JENIS MANUSIA APAKAH SEBETENGAH SOLONGAN YANG MEMBURUK-BURUKKAN NEGARA SENDIRI DI DALAM DAN DI LUAR NEGERI DENGAN MEMBURU DAKWAH KONONNYA MALAYSIA SEKARANG TIDAK STABIL, RUSUHAN AKAN BERLAKU DAN PERGADUHAN KAUM AKAN MELETUS.

SETIAP PERHIMPUNAN YANG DIANJURKAN OLEH KERAJAAN ADALAH BERTUJUAN MENDEKATKAN PEMIMPIN DENGAN RAKYAT, MENYELAMI ASPIRASI DAN KEHENDAK RAKYAT SERTA MENGUKUR KEMAMPUAN PIHAK PEMIMPIN ITU SENDIRI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT, TEGAS BELIAU KETIKA BERUCAP MERASHIKAN PELANCARAN SEHARAK PERINGKAT NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN, DI KAMPUNG KELULUT, DEKAT SINI, HARI INI.

+ KITA MENGADAKAN PERHIMPUNAN SEPERTI SEHARAK INI KERANA KITA PERCAYA BETAPA PERLU NYA PARA PEMIMPIN MENUNJUKKAN KEBETIAAN KEPADA RAKYAT, BUKAN BETAKAT HANYA KEBETIAAN RAKYAT KEPADA PEMIMPIN, + KATANYA.

KIRA-KIRA 40,000 ORANG RAKYAT MENYERTAI PERHIMPUNAN ITU. MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN, DATUK HAJI MOHAMAD ISA, MENTERI BESAR PERLIS, DR. ABDUL HAMID PANAN TEH, MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMAD RAHMAT, BEBERAPA ORANG TIMBALAN MENTERI, WAKIL-WAKIL RAKYAT TEMPATAN, PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DAN KETUA-KETUA MASYARAKAT TURUT HADIR. -- LAGI
2208HST 20 10 88

U 8566 BAH
MAHATHIR - SEHARAK 2 MARANG 888

MENURUT PERDANA MENTERI, APA YANG DILAKUKAN OLEH PIHAK KERAJAAN TIDAK SERUPA DENGAN YANG DILAKUKAN OLEH SEBETENGAH SOLONGAN YANG HANYA SIBUK KE SANA KE MARI MENDEKATI RAKYAT APABILA TIBA MUBIN PILIHAN RAYA DENGAN HARAPAN AKAN MENDAPAT SOKONGAN ATAU UNDI.

+ KITA MENGADAKAN SEHARAK BUKAN UNTUK MERAYU UNDI TETAPI UNTUK MEMBOLEHKAN PARA PEMIMPIN MENGADAKAN PERTEHUAN DAN MENYAMPAIKAN MESAJ SERTA MENDAPAT MAKLUMBALAS DARIPADA RAKYAT SECARA BERTERUS-TERANG, + KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERHUBUNGAN DUA HALA ANTARA PEMIMPIN DAN RAKYAT INI ADALAH PENTING, LEBIH-LEBIH LAGI DALAM NEGARA YANG RAKYATNYA TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN KETURUNAN.

SISTEM PENTAABIRAN NEGARA SEKARANG, KATANYA, TELAH TERBUKTI BANGSAT BERKESAN DALAM MEMBANA PEMBANGUNAN, KESEJAHTERAAN, KEHARMONIAN ANTARA KAUM DAN MENGELAK PERTELINGKAHAN BESAMA RAKYAT SEPERTI YANG BERLAKU DI SEBETENGAH NEGARA YANG MEMPUNYAI RAKYAT MAJHUK.

MALANGNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, KETIKA KERAJAAN BERTUNGKUS LUMUS MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PELBAGAI USAHA UNTUK MEMEBATKAN LAGI PEMBANGUNAN NEGARA, MUNCUL PULA SATU KUMPULAN YANG BERUSAHA UNTUK MEMECAH-BELAHKAN RAKYAT DENGAN MEMBUAT PELBAGAI TUDUHAN PALSU BIASA MEMBANGKITKAN EMOSI RAKYAT.

+ KUMPULAN INI CUBA MENAFIKAN KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH KERAJAAN DENGAN MEMBURU PELBAGAI FITNAH DI DALAM DAN DI LUAR NEGERI SEHINGGA BANGSUF MENGATAKAN NEGARA INI TIDAK STABIL, RUSUHAN AKAN BERLAKU DAN PERGADUHAN KAUM AKAN MELETUS, + UJAR BELIAU.

SEMUA TINDAKAN YANG DILAKUKAN OLEH KUMPULAN ITU, KATANYA, TIDAK ADA LAIN MAKSUD MELAINKAN UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN NEGARA SENDIRI KERANA KEPENTINGAN DIRI ATAU KEGABALAN HEREKA MENDAPATKAN SESUATU YANG DIIDAMI. -- LAGI

2224HST 20 10 88

U 8574 BAH
MAHATHIR - SEMARAK 3 MARANG

+ KALAU KUMPULAN ITU TERDIRI DARIPADA SOLONGAN YANG SAYANGKAN NEGARA DAN BERSEKANGAT PATRIOTIK, MEREKA SEPATUTNYA MEMUJI NEGARA SENDIRI, MALAU BETAPA BURUK SEKALI PUN KEADAAN DALAM NEGARA ITU, + TEGASNYA.

BAGAIMANAPUN, KATA PERDANA MENTERI, SEGALA USAHA YANG DIJALANKAN OLEH KUMPULAN ITU AKAN MEMENUHI KESAGALAN KERANA MAJORITI RAKYAT NEGARA INI TETAP CINTAKAN TANAHAIR DAN TIDAK AKAN BESITU MUDAH TERPENGARUH DENGAN TUDUHAN DAN DAYAH PALSU MEREKA.

DI PIHAK KERAJAAN, KATANYA, USAHA YANG LEBIH BERSUNGGUH-SUNGGUH AKAN DIJALANKAN UNTUK MERAPATKAN LAGI BARISAN ANTARA PENHIMPIN DAN RAKYAT DEMI MENGEKALKAN KEAMANAN DAN MENERUSKAN USAHA PEMBANGUNAN AGAR MALAYSIA DAN RAKYATNYA DIHORMATI OLEH DUNIA.

+ KITA AKAN TERUS MEMENUHI RAKYAT, BUKAN DENGAN MAKSUD UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN SESIAPA TETAPI DENGAN NIAT UNTUK MEMPERCEPATKAN LAGI PROSES PEMBANGUNAN NEGARA AGAR MALAYSIA DAPAT MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU, + KATANYA.

MENURUTNYA, KEKAYAAN HASIL NEGARA TIDAK AKAN MEMBERI APA-APA ERTI SEKIRANYA TIDAK DITEROKAI. TIDAK ADA GUNANYA MEMPUYAI TANAH YANG SUBUR JIKA TIDAK DIUSAHAKAN DAN TIDAK ADA GUNANYA EMAS YANG DITEMUI DI BEBERAPA BUAH NEGERI TERHASUK KELANTAN DAN PAHANG TIDAK LAHA DULU SEKIRANYA IA TIDAK DILONGSONG.

SEGALA KEKAYAAN YANG ADA ITU, KATANYA AKAN DIPERSUNAKAN SEBAIK MUNGKIN UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA.-- LAGI
2240HST 20 10 88

U 8576 BAH
MAHATHIR - SEMARAK 4 MARANG

PERDANA MENTERI SEMBIRA KERANA SEGALA USAHA YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN ITU TELAH MEMBUAHKAN HASIL, ANTARANYA KEUPAYAANNYA MELALUI DAN SETERUSNYA MEMULIHKAN KEHELESETAN EKONOMI YANG TELAH MELANDA NEGARA INI DENGAN TERUKNYA TIDAK LAHA DULU.

+ EKONOMI NEGARA KINI BERTANGGAH TEGUH DAN KEBANYA TELAH MULA DAPAT DIRASA OLEH RAKYAT SETELAH MENGHADAPI ZAMAN KELEMBAPAN SELAMA BEBERAPA KETIKA SEHINGGA RAMAI RAKYAT TIDAK MEMPUYAI PEKERJAAN DAN BANYAK PERNIAGAAN ATAU PERUSAHAAN TERBENGGALAI, + KATANYA.

BELIAU YAKIN PERPADUAN RAKYAT DAN KESUNGGUHAN PARA PENHIMPIN ITU AKAN MEMPERCEPATKAN LAGI PROSES PEMULIHAN EKONOMI NEGARA.--BERMAHA
2244HST 20 10 88